

Program Bimbingan Komuniti Maknyah Di Johor: Satu Analisis Mengikut Kerangka Terapi Psiko-Spiritual Islam

Mohd Zohdi Mohd Amin (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0122612396 E-Mail: zohdi@usim.edu.my

Wan Fatimah Zahra' Wan Yusoff

Norzulaili Mohd Ghazali

Abstrak

Penampilan Maknyah sering di kaitkan dengan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam serta aktiviti tidak bermoral seperti penawaran perkhidmatan seks songsang. Di sebalik dunia gelap tersebut terdapat usaha oleh My Hijrah My Advanture (MHMA) dalam menyebarkan mesej dakwah dalam komuniti ini ke arah jalan hidayah. Pendekatan yang di gunakan mempunyai kekuatan dan kelebihan tertentu di samping wujudnya ancaman serta kelemahan yang masih boleh diperbaiki. Sudah tentu wujudnya peluang yang dapat di manfaatkan dalam mengatasi kelemahan dan cabaran yang wujud. Pengalaman berharga ini dapat dimanfaatkan dalam memperkasakan lagi usaha dakwah dan bimbingan komuniti Maknyah ke arah kehidupan yang menepati fitrah asal manusia. Kajian dijalankan bagi tujuan mengenalpasti aspek kekuatan, kelemahan dan ancaman yang terdapat dalam program yang di jalankan di MHMA, seterusnya menilai bentuk peluang yang ada bagi mengatasi kelemahan serta ancaman berkenaan. Sehubungan itu satu kajian kualitatif dijalankan. Data yang diperolehi melalui temubual terhadap pengendali program di analisis menggunakan kaedah analisis SWOT. Kajian akan menggunakan Model Terapi Psikospiritual Islam (TriPSI) sebagai landasan teori. Kajian mendapati terdapat beberapa pendekatan bimbingan terapi psiko-spiritual Islam (TPSI) di MHMY adalah unik dan dapat dimanfaatkan dalam pembinaan model yang baharu dalam bimbingan komuniti transgender beragama Islam ke arah mendekati diri kepada ajaran Islam, sekaligus mengekang penularan fenomena transgenderism di Malaysia.

Kata Kunci: Maknyah, Transgender, My Hijrah My Advanture, Bimbingan, Terapi Psiko-spiritual

Latarbelakang

Fenomena Maknya merupakan salah satu bentuk transgenderisme yang begitu ketara di Malaysia. Maknya merupakan gelaran yang ditujukan kepada individu yang merasakan dirinya mempunyai jantina yang berbeza dengan jenis kelamin yang dikenal pasti semasa lahir (Pearson Education, 2005). Gelaran Gelaran 'bapok' dan 'pondan' turut merujuk kepada komuniti namun mengandungi unsur penghinaan dan cemuhan. Justeru komuniti ini lebih selesa menggelarkan diri mereka dengan Maknyah atau Nyah. Sesetengah negara mengiktiraf

komuniti ini sebagai jenis kelamin yang ketiga selain lelaki dan perempuan, namun tidak di Malaysia. Ini adalah salah satu faktor kenapa kewujudan komuniti ini di Malaysia tidak dapat dikenalpasti bilangannya dengan pasti. Tidak terdapat satu bentuk pendaftaran rasmi yang dapat dijadikan sandaran statistik. Maka muncullah beberapa angka yang disebut bagi menggambarkan saiz kewujudan komuniti ini di dalam masyarakat (Audrey Dermawan, 2018). Penampilan seorang lelaki dalam bentuk wanita bukanlah suatu yang baru dalam sejarah manusia, bahkan di zaman Rasulullah s.a.w sudah ada golongan seperti ini yang digelar sebagai al-Mukhannas. Terdapat beberapa hadis yang menggambarkan sikap dan pendirian Rasulullah s.a.w terhadap golongan ini. Diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a. bahawa baginda s.a.w mencela golongan ini sebagaimana, sabdanya:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَلِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجَّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ

Maksudnya: “Rasulullah (ﷺ) melaknat lelaki yang menyerupai wanita (tasyabbuh) dan wanita yang menyerupai lelaki.” (Al-Bukhari, 2015, #5885)

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w melaknat laki-laki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai laki-laki.” (Al-Bukhari #5885, 6834).

Perkataan laknat yang digunakan dalam hadis di atas menunjukkan pendirian tegas Rasulullah s.a.w terhadap perbuatan lelaki menyerupai wanita dan perbuatan wanita menyerupai lelaki. Perbuatan tersebut merupakan maksiat yang dikategorikan dalam dosa besar di sisi Allah s.w.t yang diharamkan oleh Syarak (Al-San’ani, 1768).

Tindakan golongan transgender menonjolkan penampilan yang bertentangan dengan jantina asalnya dilihat sebagai suatu yang bertentangan dengan Syariat Islam serta bercanggah dengan fitrah manusia. Lebih dahsyat lagi apabila sesetengah golongan ini mengamalkan aktiviti seks songsang yang menyerupai kaum Nabi Lut a.s Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Imam al-Qurtubi (13:342) di dalam tafsirnya: “Sesungguhnya kaum lut melakukan banyak dosa selain kesalahan seksual, antaranya: mereka saling menzalimi antara sesama sendiri, mereka memaki hamun antara sesama sendiri, mereka tanpa segan silu kentut dalam majlis, membaling apa-apa yang ada di sekelilingnya, mereka suka bermain nard (dadu) dan syitranj (seumpama catur), mereka memakai pakaian yang bercelup, mereka suka melagakan ayam jantan, mereka suka melagakan kibasy, lelaki mereka melumuri jari-jari mereka dengan inai, lelaki mereka suka memakai pakaian perempuan, perempuan mereka suka memakai pakaian lelaki, mereka mengenakan cukai kepada yang lalu di kawasan mereka, mereka juga syirik kepada Allah dan merekalah golongan yang pertama di muka bumi ini yang melakukan liwat dan lesbian.”

Ciri-ciri perilaku yang diperlihatkan oleh komuniti Mak Nyah di Malaysia, terutamanya pada aspek penampilan lelaki seperti wanita dan amalan seksual yang melibatkan persundalan secara liwat, serupa dengan perilaku yang diamalkan oleh kaum Nabi Lut. Kemugkaran tersebut turut ditegaskan oleh al-Quran berkaitan dengan kaum Nabi Lut a.s di dalam Surah al-A'raf ayat 80 hingga 84., firmanNya:

﴿وَلَوْ طَا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَأَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ
النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ﴾

Maksudnya: “Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas"

Ibn ‘Abbas r.a. turut meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

"لعن الله من وقع على يَمِيْمَةٍ؛ لعن الله من عمل عمل قوم لوط؛ لعن الله من عمل عمل قوم لوط" ثلاثا

Maksudnya: “... dilaknat orang yang menyetubuhi binatang, dilaknat orang yang melakukan perbuatan kaum Luth.”. (Nabi menyebut tiga kali).(Ahmad, no 2193).

Jelas bahawa Islam mengambil pendekatan pencegahan yang ketat terhadap pintu kemaksiatan ini dengan menutupnya lebih awal sebelum ianya menjadi barah di dalam masyarakat, kerana sekiranya perkara ini tersebar maka begitu sukar untuk membendungnya. Bahkan sekiranya keadaan sudah menjadi kritikal dan tidak terbendung lagi maka tindakan selanjutnya wajar di ambil sebagaimana sabda Rasulullah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas yang diriwayatkan oleh Abu Daud (#4462), al-Tarmizi (#1456) dan Ibn Majah (#2561), bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ، فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

Maksudnya: “Jika kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Lut, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.”

Perlakuan transgender ini bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam bahkan juga turut menggambarkan kepincangan dalam sistem masyarakat sosial. Gaya hidup songsang yang diamalkan oleh mereka mempamerkan imej yang buruk kepada Malaysia serta menjatuhkan integriti masyarakat Timur yang terkenal dengan kesopanan dan tatasusila yang tinggi (Ardi et al., 2018)

Usaha Dakwah Dalam Komuniti Maknyah

Meskipun Islam mempunyai pendirian tegas dalam menolak bentuk penampilan *tashabbuh* Maknyah, iaitu lelaki berpenampilan wanita, namun ianya bukanlah alasan munasabah untuk menafikan hak komuniti ini daripada seruan dakwah. Sebagaimana mereka berhak menerima pahala dan dosa, syurga dan neraka, begitu juga mereka berhak untuk diberikan peringatan dan seruan ke arah menerima syariat Islam. Sehubungan itu, usaha dakwah terhadap mereka perlu diusahakan sebagaimana dakwah dilakukan kepada insan yang lain. Tambahan pula terdapat dalam kalangan komuniti ini, individu yang sudah insaf dan berkeinginan untuk bertaubat seterusnya meninggalkan alam Maknyah. Sering kali kejahilan yang mengelilingi mereka menyebabkan mereka terus menerus berada dalam kegelapan sehingga ke akhir hayat. Sudah pasti ianya suatu perkara yang amat mendukacitakan.

Sebagai sasaran dakwah, komuniti Maknyah tidak wajar diperlakukan dengan kasar. Hal ini jelas daripada sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w bagaimana diriwayatkan oleh Imam Bukhari (2015: 5235) yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah r.a.:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَهَا وَفِي الْبَيْتِ مُحَنَّتٌ، فَقَالَ الْمُحَنَّتُ لِأَخِي أُمِّ سَلَمَةَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أُمَيَّةَ إِنَّ
فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ الطَّائِفَ غَدًا أَدُّكَ عَلَى ابْنَةِ عَيْلَانَ، فَإِنَّهَا تُقْبَلُ بِأَرْبَعٍ وَتُدْبِرُ بِثَمَانٍ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
لَا يَدْخُلَنَّ هَذَا عَلَيْكُمْ

Maksudnya: "Semasa Nabi (ﷺ) berada di situ, terdapat seorang *mukhnnas* (lelaki berperangai wanita) di dalam rumah itu. Lelaki *mukhannas* itu berkata kepada abang Um Salama, iaitu Abdullah bin Abi Umaiyya, "Jika Allah membolehkan kamu menakluki Ta'if esok, saya mencadangkan agar kamu mengambil anak perempuan Ghailan sebagai isteri, kerana (dia sangat gemuk) sehingga memperlihatkan empat lapisan lemak apabila menghadap kamu dan lapan lapisan lemak apabila belakangnya menghadap kamu." Maka, Nabi (ﷺ) bersabda (kepada kami), "Lelaki (*mukhannas*) ini tidak sepatutnya masuk kepada kamu (lagi)."

Berdasarkan kepada hadis ini, meskipun baginda tidak menerima penampilan dan pencampuran komuniti ini dalam masyarakat, khususnya membiarkan kehadiran komuniti ini ke dalam rumah, namun baginda tidak menunjukkan tindakan kasar terhadap mereka. Baginda memberikan panduan terhadap sikap yang wajar di ambil oleh masyarakat, iaitu "Lelaki (*mukhannas*) ini tidak sepatutnya masuk kepada kamu (lagi)." Jelas bahawa umat Islam di tegah untuk membiarkan golongan ini bercampur gaul dalam masyarakat.

Justeru, didapati terdapat beberapa usaha untuk membimbing komuniti maknyah ke arah jalan yang mendekati tuntutan syariah oleh pelbagai pihak. Kajian mendapati 84.8% daripada maknyah Muslim bersikap terbuka dan berminat untuk menyertai program keagamaan yang dijalankan khas untuk mereka (Rozi Zakaria, 2003). Namun sebahagian maknyah (37.6%) berpendapat bahawa program yang dijalankan mempunyai objektif yang kurang jelas dan kurang sesuai dari sudut masa dan tempat. Sebahagian kecil (6.1%) sahaja dari maknyah merasakan program sebegini menepati cita rasa dan kehendak mereka (Rozi Zakaria, 2003).

Menurut Zuraidah, Che Zarrina & Chang (2018), pendekatan terapi psiko-spiritual yang mengintegrasikan unsur-unsur al-Quran dan Hadis disyorkan bagi menangani isu transgender kerana ianya lebih tepat dalam memerangi isu yang berkaitan dengan integriti moral. Penekanan terhadap falsafah Islam yang disepadukan dalam modul terapi dapat menangani masalah yang berkaitan dengan jiwa (Nur Hikmah Mubarak Ali & Nadiyah Elias, 2016). Bahkan pelaksanaan elemen kerohanian terbukti berkesan dalam pencegahan tingkah laku LGBT (Khairil Anwar & Sri Wahyuni, 2017). Penerapan elemen TriPSI mampu mewujudkan ketenangan terhadap Maknyah di di Pondok Pesantren Al-Fatah, iaitu dalam bentuk ibadah yang mendekatkan diri dengan Allah seperti solat, zikir, dan sebagainya (Putri Wulan Sari, Wahyu Ratna Putra & Nur Astri Mitayani, 2013).

Di Malaysia sendiri dikenalpasti beberapa pihak menjalankan aktiviti dakwah kepada komuniti Mak Nyah dalam usaha menarik golongan Mak Nyah ke arah mendekati agama Islam. Organisasi yang dimaksudkan ialah (i) Pertubuhan Usrah Fitrah, Selangor (ii) T-Fitrah Terengganu, (iii) Persatuan Insaf Pahang (PIP) dan My Hijrah My Advanture (MHMA) Johor

Baharu. Setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan yang lain. Secara umumnya dakwah yang dijalankan menggunakan pendekatan psiko-spiritual yang berteraskan ajaran agama Islam. Walaupun begitu, inisiatif yang diusahakan mempunyai pendekatan, ciri dan keistimewaan tersendiri. Dalam masa yang sama, model tersebut tidak sunyi dari kekurangan dan kelemahan. Terdapat juga maklum balas yang mengatakan bahawa program yang dijalankan membosankan dan gagal menarik minat komuniti Maknyah, serta menimbulkan kekeliruan (Irwan Mohd Subri, 2019). Selain itu, model dakwah yang dijalankan tidak dapat memenuhi keperluan komuniti Maknya secara menyeluruh dalam mengubah gaya hidup mereka (Rafidah Hanim Mokhtar, 2019).

Metodologi Kajian

Satu kajian kualitatif dijalankan di My Hijrah My Advanture (MHMA) Johor Baharu. Metode temubual tidak berstruktur dijalankan bagi mengumpul data dari sumber primer dan disokong oleh sumber kepustakaan yang lain. Metode analisis SWOT digunakan dalam mengenal pasti elemen kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam model TriPSI yang digunakan. Analisis SWOT (Strength, Weakness, Opportunity, Treat) digunakan dan seterusnya dibandingkan dengan Model Terapi Psikospiritual Islam (TriPSI) sebagai landasan teori yang dibangunkan oleh pasukan penyelidik di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2019/SSI03/USIM/02/4 yang bertajuk Model Baharu Terapi Psiko Spiritual Berasaskan Quran Dan Hadis Dalam Rawatan Pemulihan Trans-wanita (Transgender). Kajian seterusnya mencadangkan penambahbaikan melalui strategi SWOT dengan formula S-W (Kekuatan vs Kelemahan), O-T (Peluang vs Ancaman), S-T (Kekuatan vs Ancaman) dan O-W (Peluang vs Kelemahan). Melalui strategi tersebut, maka program TriPSI di MHMA dapat dilakukan penambahbaikan

Terapi Psiko-spiritual Islam (TPSI)

Terapi Psiko-spiritual Islam (TPSI) adalah satu pendekatan yang mengintegrasikan amalan kerohanian Islam dalam rawatan psikoterapi (Nazrin Asyraf Adeeb & Rafidah Bahari, 2017). TPSI lazimnya digunakan sebagai terapi dalam penambahbaikan diri seseorang melalui penekanan terhadap rawatan rohani yang berbentuk penyucian jiwa (tazkiyatun al-nafs). Nilai TPSI yang tinggi adalah bersumberkan Kalamullah iaitu Quran (Ali Ali Gobaili Saged et al., 2018). Quran diturunkan kepada umat manusia untuk membimbing, mengajar dan mendidik manusia seiring dengan kehidupan mereka sehingga mereka dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ia selari dengan janji Allah kepada orang Mu'min seperti yang dijelaskan melalui firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Mafhumnya: Sungguh, Al-Qur'an ini memberi petunjuk ke (jalan) yang paling lurus dan memberi kabar gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan kebajikan, bahwa mereka akan mendapat pahala yang besar. (Quran: Al-Isra'. 17: 9)

Selain berperanan dalam memberi petunjuk untuk membantu manusia menjalani kehidupan yang baik di dunia bagi mencapai kebahagiaan hakiki di akhirat kelak, ia juga bertindak sebagai

pembimbing dalam merawat penyakit rohani (Aimah et al., 2020). Allah s.w.t juga menjelaskannya dalam Surah Yunus:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ٥٧

Mafhumnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman” (Quran: Yunus, 10: 57)

Berdasarkan kepada ayat di atas, jelas bahawa Quran dan petunjuk Islam yang dibawa oleh Rasulullah merupakan penyembuh kepada segala penyakit yang dihadapi oleh manusia sama ada berbentuk fizikal mahupun kerohanian. Berleluasanya transgenderisme menggambarkan bahawa masyarakat sedang berhadapan dengan penyakit yang memberi impak kepada kepincangan sistem masyarakat. Penyakit ini bukanlah bersifat fizikal, tetapi lebih kepada kepincangan aspek kerohanian manusia yang secara tidak langsung memberi implikasi terhadap kesejahteraan kehidupan manusia umumnya khususnya dalam aspek sosial. Selain itu, secara tidak langsung mempengaruhi aspek ekonomi dan politik.

Kesejahteraan rohani ini menjadi asas kepada kesejahteraan manusia. Kesejahteraan rohani terletak pada kesejahteraan hati yang menjadi pusat tertumpunya kerohanian manusia. Hal ini selari dengan hadis Rasulullah s.a.w yang menjelaskan tentang fungsi hati:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).” [Riwayat al-Bukhari #52, Muslim, #1599]

Berdasarkan kepada hadis ini, penyakit yang dimaksudkan adalah berbentuk penyakit kerohanian yang memberi impak kepada tingkah laku manusia. Kebaikan dan kejahatan manusia tertakluk kepada keadaan kerohanian seseorang yang digambarkan terletak di hatinya nuraninya. Hati nurani ini juga disebut sebagai ‘jiwa’ atau ‘Nafs’(Al-Ghazali, 1991). Justeru, ramai tokoh Islam seperti Imam al-Ghazali memberi penekanan terhadap elemen pembersihan jiwa yang dikenali sebagai “Tazkiah al-Nafs” dalam usaha menangani kepincangan dalam kelakuan manusia.

Kerohanian manusia dirujuk kepada sumber elemen hati yang asalnya berpunca daripada keadaan kerohanian. Bahkan keadaan jiwa rohani yang sihat akan turut memanifestasikan impak yang positif seperti tingkah laku yang baik, emosi yang stabil, minda yang tenang serta tubuh badan yang sihat (Al-Makki, 1990). Oleh itu, bagi memastikan impak positif ini hadir, seseorang itu hendaklah sentiasa memelihara jiwanya daripada sakit yang akhirnya boleh merebak ke seluruh jasadnya (Ibn Qayyim, 2001).

Jiwa yang sakit adalah berpunca daripada ketidakupayaan seseorang dalam mengawal dan menangani tekanan yang berbentuk dalaman mahupun luaran (Promsri, 2019). Tekanan dalaman kebanyakannya berlaku disebabkan oleh penderaan fizikal, mental atau seksual sementara tekanan luaran kebanyakannya disebabkan oleh kekurangan kemahiran dalam menangani masalah dengan betul (Perakis, 2010). Kegagalan dalam mengawal tekanan

menyebabkan seseorang cenderung melakukan sesuatu yang tidak bermoral seperti pemberontakan, vandalisme (Nurul Husna Mansor et al., 2016; Sahlawati Abu Bakar et al., 2017), ketagihan alkohol dan dadah (Hai et al., 2019), salah laku seksual serta transgenderism (Perakis, 2010). Keterlibatan mereka dalam gejala yang tidak bermoral ini adalah disebabkan kerana mereka tidak tahu cara yang betul dalam menangani tekanan yang dihadapi serta tidak menyedari bahawa perbuatan ini tidak memberi penyelesaian bahkan lebih menjadikan jiwa mereka sakit. Bahkan sarjana barat turut mengesahkan bahawa rawatan berteraskan kepada elemen keagamaan terbukti mampu merawat masalah dalaman manusia (Williams & Sternthal, 2007).

Terdapat beberapa teks Quran dan Sunnah yang menunjukkan bahawa dengan mengingati Allah dapat memberikan ketenangan dan kesejahteraan pada hati manusia. Mendekatkan diri kepada tuhan mampu memulihkan penyakit hati dan akal (Said Hawwa, 1999). Masalah kerohanian menjadi punca utama kepada masalah dihadapi oleh golongan transgender. Kejahilan terhadap agama menyebabkan golongan ini cenderung mengikut tuntutan hawa nafsu dan kehendak hati meskipun bertentangan dengan syariat Islam. Pendekatan TPSI merupakan satu pendekatan untuk mendekatkan diri golongan transgender kepada ajaran agama Islam melalui beberapa pendekatan yang menyeluruh. Ianya tidak terkhusus kepada aspek rohani semata-mata bahkan meliputi Syariat Islam secara menyeluruh. Walaupun begitu TPSI terkhusus dalam aspek keutamaan dalam pemurnian rohani atau disebut sebagai penyucian jiwa.

Model Terapi Psiko-Spiritual Islam

Model TPSI secara umumnya meliputi 3 elemen utama iaitu: (i) Komponen Terapi, (ii) Proses Terapi dan (iii) Sokongan Terapi.

(i) Komponen Terapi meliputi kandungan pengisian terapi yang berteraskan kepada ajaran Islam yang bersumberkan kepada Quran dan Sunnah. Penghuraian para ulama muktabar terhadap ajaran Quran dan Sunnah menjadikannya lebih mudah difahami dan dipraktikkan oleh masyarakat awam. Komponen terapi ini dapat dibahagikan kepada tiga (3) bahagian yang mendasari asas syariat Islam iaitu (a) Iman, (b) Islam dan (c) Ihsan sebagaimana dijelaskan oleh Hadis Jibril yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. (Al-Bukhari, 2015, # 4777 Kitab Al-Tafsir).

Komponen Terapi bahagian Akidah merujuk kepada enam (6) elemen utama yang merujuk kepada rukun Iman yang enam iaitu: (a) kepercayaan kepada Allah, (b) kepercayaan kepada Malaikat, (c) kepercayaan kepada Kitab Allah, (d) kepercayaan kepada Para Rasul, (e) kepercayaan kepada Hari Akhirat serta (f) kepercayaan kepada Qada' dan Qadar. Manakala Komponen Terapi bahagian Ibadah pula dibina berdasarkan rukun Islam yang meliputi (a) melafazkan dua kalimah syahadah (b) mendirikan solat, (c) menunaikan zakat (d) berpuasa di bulan Ramadhan, dan (e) menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Adapun Komponen Terapi bahagian Akhlak, merujuk kepada penguasaan hati dan perasaan dalam dua perkara, iaitu: (a) Perhubungan di antara seseorang individu dengan Allah dalam konteks adab seorang hamba dengan penciptanya yang dimanifestasikan melalui amalan kerohanian yang berbentuk taubat, zikir, syukur, redha, merendah diri (khudu') dan ikhlas (khusya') dalam amalan. (b)

Perhubungan individu dengan sesama manusia dan alam semesta dalam konteks akhlak seorang hamba dengan makhluk ciptaan Allah yang terdiri daripada manusia, jin dan alam semester.

(ii) Proses Terapi dalam konteks TSPI dinilai menurut kaedah yang digunakan oleh Imam al-Ghazali berhubung Tazkiyah al-Nafs (Penyucian Jiwa). Ketiga proses terapi yang dimaksudkan ialah: (a) Riyadhah al-nafs (Melatih Jiwa), (b) Mujahadah al-nafs (Melawan Hawa Nafsu), (c) Muraqabah al-nafs (Pemantauan Diri).

(iii) Sokongan Terapi merupakan pihak yang terlibat dalam memainkan peranan dalam menjayakan TSPI sepanjang program berlangsung. Sokongan terapi dapat dibahagikan kepada beberapa kategori berikut:

(a) Institusi, iaitu pihak organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sama ada badan berwajib kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), persatuan, institusi pendidikan dan seumpamanya


(b) Murabbi (Pembimbing), iaitu pihak yang memberi latihan dan bimbingan terhadap pelatih program yang terdiri daripada pihak profesional, alim ulama, guru, pembimbing dan seumpamanya

(c) Keserakanan, iaitu melibatkan individu yang merupakan sebahagian daripada komuniti trans wanita sendiri

(d) Keluarga, iaitu ahli keluarga komuniti trans-wanita samada Ibubapa, adik beradik dan saudara mara terdekat

(e) Masyarakat Umum yang tinggal di sesuatu lokasi di sekitar komuniti trans wanita.

Model TriPSI dalam bimbingan Maknyah dapat di ringkaskan sebagaimana rajah berikut:



Analisa SWOT terhadap TriPSI Di My Hijrah My Adventure (MHMA), Johor

Pertubuhan Kebajikan Kembara Hijrah Negeri merupakan sebuah NGO di Johor yang dikenali sebagai My Hijrah My Adventure. Pertubuhan ini ditubuhkan bagi membimbing golongan yang tersisih dari masyarakat seperti komuniti trans women. Pertubuhan ini juga mempunyai pusat persinggahan yang dikenali sebagai Drop In Centre (DIC). Persatuan ini juga turut mempraktikkan beberapa elemen terapi psiko-spiritual Islam (IPST) kepada komuniti Maknyah

(i) Kekuatan

Kekuatan TriPSI yang dikendalikan oleh MHMA adalah sebagaimana berikut:

- (a) Komponen Terapi berkaitan dengan Aqidah terfokus kepada kepercayaan hari akhirat dengan mengingatkan komuniti maknyah terhadap kematian. Ianya diterapkan melalui amalan menziarahi jenazah rakan komuniti yang telah meninggal dunia. Keadaan jenazah maknyah yang kebiasaannya berubah bentuk kepada bentuk yang menyedihkan, mengerikan dan mengaibkan setelah kematian akan memberi sentuhan keinsafan yang sangat kuat kepada mereka yang datang menziarahi. Menurut Julia (2022 Feb 22): “Keadaan jenazah Maknyah yang berubah keadaannya menjadi gelap, mulut terbuka, wajah menjadi tua apabila dilihat oleh komuniti Maknyah akan menimbulkan rasa takut dan keinsafan terhadap nasib diri mereka selepas kematian”. Mereka akan lebih terkesan apabila dilibatkan dalam menguruskan urusan memandikan jenazah rakan mereka dengan bimbingan oleh para ustaz.
- (b) Komponen Terapi berkaitan dengan Ibadah diterapkan melalui kelas agama yang dikendalikan oleh guru dari Jabatan Agama Islam Johor. Kelas agama tersebut membuka ruang kepada komuniti maknyah untuk mempelajari Quran dan ilmu Fardu Ain yang meliputi hukum hakam solat dan kebersihan diri membolehkan Maknyah lebih memahami tentang agama Islam. Selain itu, bimbingan yang diberikan secara ikhlas oleh Ustaz Halim secara teori dan amali mengupayakan komuniti maknyah melakukan praktis agama dengan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain seperti melakukan solat, majlis bacaan surah Yasin, majlis tahlil, memandikan jenazah dan mempraktikkannya dalam bentuk teori dan ibadah umrah.
- (c) Komponen Terapi berkaitan dengan akhlak pula diterapkan melalui pengukuhan aspek hubungan sesama manusia melalui program yang menerapkan elemen kasih sayang menyebabkan komuniti maknyah merasa selesa sekaligus menarik minat penglibatan mereka.
- (d) Proses terapi yang di aplikasikan adalah berbentuk latihan (Riayadhah al-Nafs) komuniti maknyah dalam mempraktikkan agama melalui program bersempena seperti sambutan Maal Hijrah dan seumpamanya. Selain itu, komuniti juga dilatih untuk menyucikan diri dengan melakukan mandi junub sebelum mengikuti apa-apa aktiviti yang dianjurkan. Hal ini kerana komuniti maknyah terlibat dengan aktiviti seksual yang menyebabkan diri mereka tidak berada dalam keadaan suci.
- (e) Sokongan terapi wujud di MHMA dalam bentuk rakan komuniti “peer” yang terdiri daripada mereka yang telah mula berhijrah. Rakan “peer” yang sentiasa berdampingan dengan komuniti yang hadir dan berikan khidmat nasihat bagaimana nak berubah di samping memberikan bantuan yang diperlukan “Peer” akan segera datang bertemu dengan komuniti

yang menghubungi MHMA ketika berhadapan dengan masalah khususnya mereka yang berhadapan dengan isu kesihatan dan tekanan serta keadaan hidup yang melarat. MHMA menekankan aspek pembangunan jati diri. Mereka dilatih untuk tidak meminta-minta dan menggalakkan maknyah mencari pekerjaan dengan menunjukkan kaedah untuk mendapatkan pekerjaan. (Julia, 2022 Feb 22).

(f) MHMA turut menyediakan sokongan terapi dalam bentuk khidmat nasihat kaunseling sesama komuniti Maknyah sendiri yang dinamakan dengan Program “Sharing and Caring”. Program ini membuka ruang kepada komuniti Maknya untuk mendengar dan meluahkan masalah mereka. Perlaksanaan program ini di adakan di pusat Drop in Centre (DIC) yang ditubuhkan khas untuk menerima kehadiran maknyah. Maknyah dialu-alukan hadir ke DIC bagi tujuan berehat dan berkongsi masalah yang dihadapinya. Program ini tidak pada masa yang spesifik tetapi terbuka setiap masa apabila mereka mengunjungi DIC dan bersedia untuk berkongsi masalah yang dihadapi. Setelah itu DIC akan berunding dengan maknyah berkenaan mencari jalan untuk memberikan bantuan kepadanya. Kaedah ini menarik kehadiran komuniti maknyah untuk hadir tanpa dipaksa kerana mereka merasa selesa dan berupaya memperoleh suatu bentuk bantuan yang diperlukan. Melalui kaedah ini DIC akan mengetahui keadaan dan masalah komuniti maknyah yang bersama dengan MHMA.

(g) Terdapat dalam komuniti maknyah mereka yang telah berhijrah dan mempunyai tahap keinsafan yang tinggi serta mempunyai kebolehan dalam memimpin rakan mereka yang lain. Untuk melalui jalan penghijrahan untuk meninggalkan dunia persundalan dan maknyah. Sebahagian mereka mempunyai tahap pengetahuan agama yang agak baik meskipun masih banyak kelemahan ketara.

(ii) Kelemahan

Kelemahan pelaksanaan TriPSI yang dikendalikan oleh MHMA adalah sebagaimana berikut:

(a) Komponen Terapi hanya terfokus kepada aspek ibadah seperti solat sahaja dan penekanan terhadap aspek akidah tidak berlaku melainkan dalam aspek mengingati saat kematian melalui praktik menziarahi jenazah dan pengurusan mandi jenazah.

(b) Aspek akhlak berbentuk hubungan sesama manusia ada di praktikkan namun dalam aspek hubungan dengan Allah sebagai pencipta tidak dapat dikesan perlaksanaannya dengan spesifik. Amalan zikir dan wirid khusus tidak dilaksanakan, namun pembacaan ayat Suci Quran, Surah Yasin ada dilaksanakan.

(c) Meskipun ada kecenderungan penerimaan komuniti maknyah kepada aktiviti berbentuk TriPSI yang dijalankan khususnya bagi mereka yang benar-benar ingin berubah, namun selebihnya hanya hadir sekadar untuk bersuka ria. Penerimaan mereka untuk melakukan perubahan adalah pada nisbah yang sederhana sahaja.

(d) Proses Terapi yang dipraktikkan tertumpu pada riaydhah al-Nafs sahaja. Manakala aspek Muraqabah al-Nafs (kawalan jiwa) dan Mujahadah al-Nafs (melawan Nafsu) tidak berlaku.

(e) Elemen Sokongan terapi pula banyak bergantung kepada para Murabbi (pembimbing) yang biasanya merupakan guru agama yang di tugaskan oleh Jabatan Agama Islam Johor.

Kekerapan pertukaran pegawai yang bertugas juga menjejaskan peranan mereka apabila pegawai yang baharu perlu mengambil masa untuk menyesuaikan pendekatan mereka dalam memberi bimbingan. Ada kalanya pendekatan baharu yang diambil tidak mudah diterima oleh komuniti maknyah. Terdapat juga guru agama yang kurang bersemangat untuk mendidik dan membimbing komuniti maknyah.

(f) MHMA juga tidak mendapat sokongan mana-mana pihak dalam sudut penyediaan dana bagi tujuan pelaksanaan program. Sehubungan itu, tidak banyak program yang dapat dijalankan berikutan keterbatasan dana.

(iii) Ancaman

(a) Penyediaan komponen terapi yang tidak sekata kepada komuniti maknyah berikutan keadaan pengetahuan agama Islam dalam kalangan maknyah maknyah sangat berbeza-beza. Kedapatan komuniti maknyah yang mempunyai tahap kejahilan yang sangat teruk terhadap pengetahuan agama Islam bahkan dalam perkara yang sangat asas dalam agama, seperti kejahilan dalam perkara asas akidah, perkara asas dalam ibadah dan seumpamanya. Sebagai Contoh, ada di antara mereka yang tidak mengetahui bagaimana untuk mengambil wuduk, bahkan ada di antara mereka tidak tahu apakah anggota yang perlu dibasuh dan bagaimana untuk memulakannya. Keadaan ini menyukarkan dalam penentuan sukatan pengajian yang ditawarkan kepada komuniti maknyah.

(b) Aktiviti riyadhah al-Nafs dalam proses penyucian jiwa (tazkiyah al-Nafs) tidak dapat berlangsung dengan lancar berikutan factor berikut:

- Sebahagian komuniti maknyah yang hadiri program TRiPSI tidak dengan sepenuh hati, tetapi lebih kepada keinginan untuk bersuka-ria sahaja. Keadaan ini akan menjejaskan fokus komuniti maknyah yang inginkan perubahan.

- Ada sebahagian komuniti maknyah mengamalkan perkara syirik melibatkan pengabdian terhadap syaitan melalui penggunaan patung buddha sebagai susuk di muka bagi tujuan menjadi pelaris untuk menarik pelanggan terhadap perkhidmatan seks yang di tawarkan

(c) Proses muraqabah al-Nafs tidak yang dapat menghalang maknyah daripada melakukan aktiviti maksiat persundalan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tidak terdapat apa-apa bentuk kawalan terhadap pergerakan dan aktiviti maknyah. Keadaan ini memungkinkan komuniti maknyah kembali terjebak dalam lembah maksiat sekaligus menjejaskan proses tazkiyah al-Nafs.

(d) Sebahagian maknyah tidak mempunyai sumber pendapatan halal melainkan hanya bergantung kepada aktiviti persundalan seks songsang. Ini menjadikan segala sumber makanan dan pakaian mereka berpunca daripada sumber yang haram. Keadaan ini menyukarkan proses pemulihan berlaku dengan berkesan. Usaha mereka untuk mendapatkan kerja yang lebih baik terhalang berikutan pemulauan masyarakat terhadap komuniti ini, dalam masa yang sama terdapat permintaan yang agak tinggi terhadap aktiviti persundalan seks songsang dalam persekitaran mereka sekaligus menjadikan pekerjaan sebagai penawar aktiviti persundalan seks songsang sumber pendapatan yang mudah dan lumayan. Tambahan pula perbelanjaan komuniti ini untuk mengekalkan penampilan yang menarik dan cantik memerlukan kos yang

tinggi termasuk kos peralatan makeup, pembelian hormon Wanita dan operasi implan untuk membesarkan dada (palsu) dan penukaran kelamin jantina.

(e) Perubahan pegawai agama di Jabatan Agama Islam Johor yang bertanggung jawab dalam aktiviti dakwah kepada komuniti maknyah mengakibatkan perubahan dalam pendekatan dakwah. Perubahan yang ada memerlukan lebih masa kepada maknyah untuk menyesuaikan diri dengan pendekatan tersebut. Ada kalanya pendekatan yang digunakan menyebabkan hubungan dengan komuniti Maknyah sebagai sasaran dakwah terjejas.

(f) Kekurangan peruntukan kewangan di pihak MHMA menghalang terlaksananya aktiviti dakwah yang ingin dijalankan.

(g) Perlaksanaan program latihan di Surau dan Masjid menyebabkan komuniti maknyah merasa kurang selesa apabila kehadiran mereka ke lokasi tersebut tidak disenangi oleh para Jemaah setempat berikutan cara penampilan mereka yang di anggap tidak menghormati rumah ibadat yang suci.

(h) Rakan pembimbing (dari kalangan maknyah yang sudah berhijrah) tidak dibimbing dengan rapat oleh murabbi memungkinan mereka membimbing rakan mereka secara tidak bersesuaian dengan ajaran Islam.

(iv) Peluang

Terdapat peluang yang dikenal pasti melalui program yang dikendalikan oleh MHMA berteraskan kepada elemen terapi psiko spiritual sebagaimana berikut:

(a) Terdapat dalam kalangan maknyah telah mempunyai asas penguasaan bacaan Quran yang baik dan minat untuk hadir ke kelas Quran bagi tujuan memperelokkan cara bacaan teranum Quran sahaja. Bacaan Quran yang dibacakan secara tidak langsung menjadi terapi kepada hati mereka, kerana bacaan Quran merupakan ubat dan terapi terhadap hati manusia walaupun terhadap pelaku maksiat dan orang kafir. Keadaan ini membuka ruang untuk diselitkan dengan komponen terapi yang terdiri dari asas Aqidah, Fiqh dan Akhlak. Menurut En Julia (2022 Feb 22) apabila ditanya tentang penerimaan komuniti Maknyah terhadap ajaran agama, beliau menjelaskan bahawa: “Komuniti maknyah boleh menerima semua perkara agama yang diberikan, terutama bagi mereka yang sudah ada kehendak untuk melakukan perubahan. Tetapi bagi komuniti yang datang semata-mata untuk bersantai maka peratusan untuk menerima pengajaran dan perubahan adalah 50-50% sahaja”.

(b) Dari sudut sokongan terapi dari kalangan jemaah surau atau masjid terhadap komuniti maknyah yang hadir program di Surau atau Masjid, kini telah ada keterbukaan dan penerimaan mereka untuk menerima kehadiran maknyah ke Surau atau masjid.

(c) Sokongan terapi daripada komuniti maknyah di MHMA terhadap rakan mereka melalui hubungan kerakanan yang baik membuka ruang untuk diselitkan penerapan elemen terapi yang terdiri daripada ajaran agama Islam secara berperingkat.

(d) Kewujudan DIC (Drop-in Centre) yang sentiasa terbuka menerima kehadiran komuniti maknyah yang berhadapan dengan masalah dalam kehidupan samada dalam aspek kesihatan mahupun aspek kewangan membuka ruang untuk para pembimbing menjalinkan hubungan

yang baik dengan komuniti maknyah sekaligus berpeluang untuk memberi nasihat yang berguna kepada maknyah berkenaan. Termasuk mengajaknya untuk melalui jalan perubahan atau penghijrahan. Komuniti yang menghadapi masalah kesihatan seperti HIV dan masalah kewangan seperti hidup gelandangan lebih mudah untuk diberi bimbingan agama.

(e) Terdapat komuniti maknyah yang sudah berhijrah mempunyai kebolehan untuk dilatih sebagai pembimbing rakan komuniti. Kebiasannya komuniti maknyah lebih mudah mendekati komuniti maknyah kerana lebih memahami dunia kehidupan maknyah dan perasaan mereka. Menurut En Julia (2022 Feb 22): “Mereka yang mahu berhijrah wajar ditempatkan bersama-sama dengan komuniti yang telah berhijrah atau sedang dalam proses hijrah supaya mudah untuk melakukan perubahan”. Menurut En Julia (2022 Feb 22) lagi: dicadangkan untuk diadakan satu pusat Latihan khas untuk mereka yang mahukan perubahan, dan selain diberikan bimbingan agama perlu juga disediakan Latihan kemahiran yang bersesuaian untuk dijadikan sumber kehidupan mereka kelas seperti Latihan menjahit, gubahan, memasak, mengandam dan seumpamanya. Sepanjang mereka berada di pusat Latihan tersebut komuniti ini perlu diberi sara hidup dan bahan untuk makan-minum”

Kesimpulan

Terapi Psiko-spiritual Islam (TPSI) dilihat menjadi pendekatan yang sesuai dalam membimbing komuniti transgender ke arah mendekati diri kepada syarak seterusnya membuka ruang ke arah penghijrahan golongan trans wanita ini ke arah kehidupan yang mengikut fitrah yang Allah s.w.t jadikan. Model TPSI yang dijalankan merupakan pendekatan berterusan yang menekankan usaha penerapan elemen terapi dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. TPSI melibatkan proses terapi yang berbentuk Tazkiyah al-Nafs (Penyucian Jiwa) yang melibatkan proses Riyadah al-nafs (Latihan Jiwa), Mujahadah al-nafs (Melawan Nafsu) dan Muraqabah al-nafs (Kawalan Nafsu). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gerakan dakwah komuniti trans wanita melalui pendekatan TPSI berasaskan pendekatan bimbingan Quran dan penghayatan Sunnah dapat diterima dengan baik oleh komuniti trans wanita.

Sokongan terapi menjadi nadi utama kepada gerakan dakwah kepada komuniti trans wanita ini ke arah jalan yang diredhai Allah. Peranan Institusi agama dalam menyalurkan bantuan kewangan khususnya berkaitan dengan elaun tenaga pengajar, peserta dan bantuan prihatin kepada komuniti penting khususnya dalam membantu komuniti ini keluar daripada kongkongan persekitaran maksiat ke arah laluan hidayah yang berteraskan TriPSI. Justeru Maknyah perlu ditempatkan di suatu tempat yang kondusif untuk mereka mempraktikkan Islam serta mengikuti Modul TriPSI dengan jayanya. Seterusnya peranan murabbi tidak kurang pentingnya dalam aspek perlaksanaan bimbingan. Murabbi perlulah terlatih dengan kemahiran TriPSI dan pendekatan yang sesuai untuk mendekati golongan trans wanita ini bagi mengelakkan sasaran dakwah menjauhkan diri, khususnya komuniti trans wanita yang sedia terasing dalam masyarakat dan institusi agama seperti surau dan masjid.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian hasil penyelidikan yang mendapat kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KKM), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2019/SSI03/USIM/02/4 yang bertajuk Model Baharu Terapi Psiko Spiritual

Berasaskan Quran Dan Hadis Dalam Rawatan Pemulihan Trans-wanita (Transgender).

Rujukan

- Aimah, M. I. N., Khairulrijal, M. S., & Afiah, M. N. (2020). Psikoterapi al-Quran Terhadap Wanita Bekerjaya yang Memiliki Anak Kurang Upaya. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 2(1). www.jerisjournal.com
- Al-Baidhawi, N. A. S. A. bin U. bin M. al-S. (1998). *Tafsir Al-Baidhawi: Anwaru Tanzil wa Asraril Ta'wil* (M. A. R. Al-mura'syili (ed.); 1st ed., Vol. 5). Dar Ihya' al-Turas al-arabi.
- Al-Bukhari, M. I. I. al-M. al-J. (2015). *Sahih Bukhari* (Raid Sabri (ed.); 3rd ed.). Darul Hadarah.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1991). *Khuluq al-Muslim*. Dar al-Qur'an al-Karim.
- Al-Makki, A. T. (1990). *Qut al-Qulub fi Mu'amalah al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid*. al-Matba'at al-Maymaniyah.
- Al-San'ani, M. bin I. bin S. bin M. H. al-kahlani. (1768). *Subul al-Salam* (Vol. 2). Darul Hadis.
- Ali Ali Gobaili Saged, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Faizuri Abdul Latif, Syed Mohammad Hilmi, Waleed Mugahed Al-Rahmi, Ahmed Al-Samman, Norma Alias, & Akram M. Zeki. (2018). Impact of Quran in Treatment of the Psychological Disorder and Spiritual Illness. *Journal of Religion and Health*, 1–14. <https://doi.org/10.1007/s10943-018-0572-8>
- Ardi, Z., Yendi, F. M., & Febriani, R. D. (2018). Fenomena LGBTQ dalam perspektif konseling dan psikoterapi: realitas dan tantangan konselor. *Jurnal EDUCATIO: Jurnal Pendidikan Indonesia*, 4(2), 77. <https://doi.org/10.29210/120182260>
- Audrey Dermawan. (2018). Bilangan gay, transgender semakin meningkat: JAKIM. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/491972/bilangan-gay-transgender-semakin-meningkat-jakim>
- Hai, A. H., Franklin, C., Park, S., DiNitto, D. M., & Aurelio, N. (2019). The efficacy of spiritual/religious interventions for substance use problems: A systematic review and meta-analysis of randomized controlled trials. *Drug and Alcohol Dependence*, 202, 134–148. <https://doi.org/10.1016/j.drugalcdep.2019.04.045>
- Hamid, M. A. A. A., & Abdullah, M. F. R. (2020). *Bagaimana Nabi Lut Dan Nabi Muhammad Menangani Golongan LGBT?: Satu Analisis Wacana How Prophet Lut and Prophet Muhammad Dealt With LGBT Group?: A Discourse Analysis*. 7.
- Ibn Kathir, Isma'il. (2016). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. China: Syarikat al-Mustaqbal al-Raqamiyy.
- Ibn Qayyim. (2001). *Tibb al-Qulub*. Dār al-Qalam.
- Irwan Mohd Subri. (2019). *Bengkel Perlaksanaan Gerak Kerja Kajian Lapangan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

- Nazrin Asyraf Adeeb, & Rafidah Bahari. (2017). The Effectiveness of Psycho-spiritual Therapy among Mentally Ill Patients. *Journal of Depression and Anxiety*, 6(2), 267. <https://doi.org/10.4172/2167-1044.1000267>
- Nolan, I. T., Kuhner, C. J., & Dy, G. W. (2019). Demographic and temporal trends in transgender identities and gender confirming surgery. *Translational Andrology and Urology*, 8(3), 184–190. <https://doi.org/10.21037/tau.2019.04.09>
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Fakhrol Adabi Abdul Kadir, & Raihanah Abdullah. (2016). Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 73–84. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0401-07>
- Pearson Education. (2005). Transgender. In *Longman Dictionary of American English* (4th ed., p. 1767). <https://www.ldoceonline.com/dictionary/transgender>
- Perakis, C. R. (2010). Soul sickness: A frequently missed diagnosis. *Journal of the American Osteopathic Association*, 110(6), 347–349. <https://doi.org/10.7556/jaoa.2010.110.6.347>
- Promsri, C. (2019). Measuring Life Stress of Accounting Students. *Saudi Journal of Humanities and Social Sciences*, 04(11), 693–696. <https://doi.org/10.36348/sjhss.2019.v04i11.001>
- Rafidah Hanim Mokhtar. (2019). *Bengkel Perlaksanaan Gerak Kerja Kajian Lapangan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, & Zanariah Dimon. (2017). Method of Al-Quran In Dealing With Social Problems: A study in The Protection Centre of the Selangor Islamic Religious Council (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 57–77.
- Said Hawwa. (1999). *Tarbiyatuna al-Ruhiyyah* (Abdul Kaur Mahmud al-Bakar (ed.); 6th ed.). Darul Salam.
- Slamah, K. (2005). The Struggle to be Ourselves, neither Men nor Women: Mak Nyahs in Malaysia. In G. Misra & R. Chandiramani (Ed.), *Sexuality, Gender and Rights: Exploring Theory and Practice in South and Southeast Asia* (pp. 98–111). Sage Publications Ltd.
- Wei, C. L., Baharuddin, A., Abdullah, R., Abdullah, Z., & Por Chhe Ern, K. (2012). Transgenderism in Malaysia. *Journal of Dharma*, 37(1), 79–96.
- Williams, D. R., & Sternthal, M. J. (2007). Spirituality, Religion and Health: Evidence and Research Directions. *The Medical Journal of Australia (MJA)*, 186(10), S47–S50. <https://doi.org/10.5694/j.1326-5377.2007.tb01040.x>